

# Mokhtar masih ahli Parlimen

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, yang dijatuhkan hukuman mati kerana membunuh masih kekal sebagai seorang anggota Parlimen sementara menunggu satu usul yang akan dibentang di Parlimen yang membatalkannya sebagai seorang anggota, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Beliau akan terus menjadi seorang anggota Parlimen sehingga Parlimen membentang dan meluluskan usul mencadangkan keanggotaannya dibatalkan," jelas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas bila usul itu akan dikemukakan di Parlimen, tetapi tidak menolak kemungkinan ia dibentangkan dalam sidang yang akan bermula esok.

"Kami terpaksa membentangkan usul tersebut, tetapi saya belum menentukan tarikhnya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, tafsiran kerajaan ialah sebaik sahaja anggota Parlimen itu disabit kesalahan oleh mahkamah kerana kesalahan jenayah atau sivil, maka beliau secara automatik akan kehilangan kerusinya.

## Mengosongkan kerusi

Ini juga berlaku bagi pegawai-pegawai kerajaan yang akan kehilangan jawatannya secara automatik selepas disabit kesalahan.

Perdana Menteri berkata, ini adalah selaras dengan Perkara 48 (1) (E) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa jika seseorang anggota Parlimen telah disabit kesalahan dan dihukum penjara bagi tempoh tidak kurang dari setahun atau didenda tidak kurang dari \$2,000 dan tidak menerima pengampunan sepenuhnya, beliau tidak layak menjadi anggota Parlimen atau Senator.

"Tetapi oleh kerana sebuah mahkamah telah memutuskan satu masa dahulu yang bahawasanya hakikat yang seseorang anggota Parlimen telah disabit kesalahan dan dihukum penjara tidak kurang dari setahun atau denda tidak kurang dari \$2,000 dan belum menerima pengampunan penuh tidak membuat kerusinya dikosongkan secara automatik, jadi kami akan mematuhi kepada tafsiran mahkamah."

Perintah itu dibuat oleh Mahkamah Persekutuan pada tahun 1975 dalam kes anggota Parlimen bagi Menglembu ketika itu, Encik Fan Yew Teng, yang mencabar keputusan kerusi untuk mengosongkan kerusinya setelah beliau disabit kesalahan atas tuduhan menghasut oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan didenda \$2,000 ataupun penjara enam bulan.

## Menjalankan tugas

Tetapi hakim yang membicarakan kes itu juga memutuskan di mana soal yang timbul berhubung dengan kelayakan sebagai seorang anggota Parlimen, kuasa untuk mengisytiharkan kerusi itu kosong sudah jelas hak Parlimen.

"Disebabkan itu, kami akan mematuhi keputusan mahkamah dan mengemukakan satu usul khas berhubung kedudukan Datuk Mokhtar sebagai seorang anggota Parlimen," jelas Datuk Seri Dr Mahathir.

Tambah beliau, Datuk Mokhtar tidak akan menerima ganjaran bagi pencennya sebagai seorang Menteri dan juga sebagai seorang anggota Parlimen berikutan sabit kesalahannya.

Perdana Menteri yang juga seorang anggota Lembaga Pengampunan berkata beliau belum menerima sebarang notis bila Lembaga itu akan bersidang untuk membincangkan kes Datuk Mokhtar.

"Lembaga tidak menghebahkan bilakah ia bersidang atau apa yang dilakukannya, kerana ia tidak menjalankan tugasnya bila terdapat tekanan," katanya.

Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman berkata semalam, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi akan mengemukakan laporan masing-masing mengenai kes Datuk Mokhtar kepada Lembaga itu untuk ditimbang.

Rayuan Datuk Mokhtar terhadap sabit kesalahan dan hukuman mati kerana membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan Datuk Mohd Taha Talib, ditolak semalam. — Bernama.